

## THE ANALYSIS OF CONSTITUTIONAL JURISDICTION IN *GURINDAM DUA BELAS*

### ANALISIS ADAB KETATANEGARAAN DALAM *GURINDAM DUA BELAS*

Akmaliza Abdullah<sup>i</sup>, Abdul Latif Samian<sup>ii</sup>, Zarina Muhammad<sup>iii</sup>, Adibah Muhtar<sup>iv</sup>,  
Siti Suhaila Ihwani<sup>v</sup> & Aminuddin Hehsan<sup>vi</sup>

<sup>i</sup> (Corresponding author). Pensyarah, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia 81310 UTM Skudai, Johor/Pelajar Ijazah Kedoktoran, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor a\_akmaliza@utm.my

<sup>ii</sup> Fellow Penyelidik Utama, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor. abdlatif@ukm.edu.my

<sup>iii</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor. zbm@upm.edu.my

<sup>iv</sup> Pensyarah, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur, Jalan Sultan Yahya Petra, 54100 Kuala Lumpur. adibah\_dm@utm.my

<sup>v</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur, Jalan Sultan Yahya Petra, 54100 Kuala Lumpur. sitisuhaila@utm.my

<sup>vi</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia 81310 UTM Skudai, Johor. ahehsan@utm.my

<b>Abstract</b>	<p><i>The article is aimed at analysing Gurindam Dua Belas (The Twelve Couplets), a renowned literary work of Raja Ali Haji, a prominent Malay scholar of the 19<sup>th</sup> century. The writing of Malay couplets has been partly employed by Raja Ali Haji in order to disseminate the advices to the rulers. For the purpose of this study, we will merely focus on the twelfth couplet that is directly related to the subject discussed. The method of content analysis is used to demonstrate the function and content of Gurindam Dua Belas as a medium to disseminate advices to the Malay rulers. The findings showed that Gurindam Dua Belas contains six main key words pertaining to the constitutional jurisdictions for princes and rulers, which touches on the four different relationships, viz. between the ruler and the ministers, the ruler and the people, the ruler and the scholars, and the ruler and himself.</i></p> <p><i>Keywords: Constitutional Jurisdiction, ethics, Gurindam Dua Belas, Raja Ali Haji, Malay world.</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Penulisan ini bertujuan untuk menganalisis Gurindam Dua Belas yang merupakan antara karya terkenal berbentuk puisi yang dihasilkan oleh Raja Ali Haji, seorang tokoh intelektual Alam Melayu abad ke-19 Masehi. Penulisan berbentuk gurindam telah digunakan sebahagiannya oleh Raja Ali Haji bagi menyampaikan nasihat kepada raja. Untuk tujuan kajian ini, fokus hanya ditumpukan kepada fasal kedua belas yang berkaitan dengan subjek perbincangan. Metode analisis konten digunakan bagi memperlihatkan fungsi dan kandungan Gurindam Dua Belas sebagai salah satu wadah penyampaian adab ketatanegaraan dalam lingkungan kepimpinan Melayu. Hasil kajian mendapati terdapat enam kata kunci utama yang berkait dengan adab ketatanegaraan iaitu muafakat, betul hati, adil, ilmu, mati dan akhirat yang menyentuh empat kategori hubungan iaitu antara raja dan menteri, serta raja dan rakyat, raja dan ulama', serta raja dan diri peribadi baginda sendiri.</i></p> <p><i>Kata kunci: Adab ketatanegaraan, akhlak, Gurindam Dua Belas, Raja Ali Haji, alam Melayu.</i></p>

## PENDAHULUAN

Tradisi kesenian Melayu menonjolkan pelbagai bentuk puisi atau karangan berangkap (Za'ba, 1965) yang setiap satunya mempunyai aturan tersendiri seperti syair, pantun, bayt, nazam, teromba, gurindam, seloka dan sajak. Penggunaan puisi sebagai salah satu wadah untuk menyampaikan ilmu pengetahuan bukanlah sesuatu yang asing dalam tradisi keintelektualan Islam. Ia dizahirkan dalam karya-karya muhtabar melalui pelbagai bentuk termasuk syair, *ruba'i*, *mathnawi*, *qit'ah*, *barzanji* dan *ghazal*. Pengaruh Islamisasi di alam Melayu boleh dikesan melalui persuratan karya-karya khazanah keilmuan Melayu yang berbentuk puisi terutamanya dalam sastera kitab. Menurut Safian Hussin (1981), puisi telah lama wujud dan berkembang dalam masyarakat Melayu sebagai salah satu bentuk pengucapan tradisional yang amat popular dan digunakan oleh setiap lapisan masyarakat. Namun begitu tokoh-tokoh intelektual Melayu bukanlah peniru persis, malah mereka telah membuat penyesuaian yang sejajar dengan budaya masyarakat Melayu sendiri. Selain daripada fungsi estetika, karya-karya berbentuk puisi juga berperanan untuk memudahkan hafalan dan indah didengar (Ismail, 1974). Ini selaras dengan pandangan al-Faruqi (1990) yang menegaskan tentang kepentingan mengganding dan menyusun perkataan dengan idea yang baik dalam bentuk yang baik bagi menyerlahkan keindahan sehingga boleh mendatangkan kesan melalui kefahaman serta penghayatan yang membawa kepada perubahan yang menginsafkan.

Gurindam Dua Belas adalah salah satu karya puisi terkenal yang ringkas, padat dan memberi bekas kepada pemikiran dan penghayatan keagamaan, intelek dan akhlak masyarakat Melayu. Ianya diilhamkan oleh Raja Ali Haji (1808-1872), tokoh pujangga dan intelektual Melayu abad ke-19 Masehi yang dilahirkan dalam keluarga istana Kesultanan Melayu Riau Lingga yang berpusat di Pulau Penyengat. Menariknya Pulau Penyengat merupakan salah satu pusat intelektual di alam Melayu yang budaya ilmunya sentiasa hidup melalui penglibatan aktif pemerintah dan rakyat sama ada lelaki atau wanita. Aktiviti keintelektualan terserlah menerusi penghasilan karya-karya ilmiah mahupun pembinaan gedung percetakan, penubuhan Kelab Rusydiah dan juga hubungan yang akrab antara golongan umara' dan ulama. Pulau Penyengat yang berkeluasan kurang daripada 2 km persegi ini sentiasa mendapat kunjungan ulama' dari luar yang merencanakan perkembangannya sebagai pusat perkembangan ilmu antaranya Habib Syekh Syakaf, Sayyid Hasan al-Haddad, Syeikh Ahmad Jibrati dan lain-lain (Abu Hasan, 1994; Hasan, 2002). Raja Ali Haji sendiri lahir dalam kalangan keluarga yang menjadikan ilmu pengetahuan sebagai suatu keutamaan dalam kehidupan. Manakala ayahandanya, Raja Ahmad adalah seorang ilmuwan, penasihat raja, sejarawan dan penyair yang sangat mementingkan ilmu. Hal ini terbukti melalui usaha beliau mengajarkan sendiri anak beliau pada peringkat awal pengajian dan kemudiannya membawa Raja Ali Haji berguru sewaktu menunaikan haji di Mekah pada tahun 1828.

Menurut catatan yang dinyatakan secara jelas oleh Raja Ali Haji dalam mukadimah dan khatimah, Gurindam Dua Belas dihasilkan di daerah kelahiran beliau Pulau Penyengat, Kepulauan Riau pada hari Selasa 23 Rejab 1263 Hijriah. Menerusi bakat ilmu dan bahasa yang dimiliki, penulisan Gurindam Dua Belas tidak memakan masa yang lama. Beliau menyelesaikannya tepat jam lima, namun tidak diketahui sama ada pada waktu pagi ataupun petang. Unsur pentarikhan dalam kepengarangan Raja Ali Haji adalah satu bentuk pembaharuan yang dikesan dalam karya beliau (Siti Hawa, 2002). Za'aba (1965) menyifatkan Gurindam Dua Belas sebagai 'mengandung pikiran-pikiran yang bernas dengan bahasa yang ringan dan suka sebagai nyanyian' manakala Faishal Shadik (2007) menjelaskan Gurindam Dua Belas merupakan ringkasan yang menjadi intipati kepada dua buah karya ketatanegaraan Raja Ali Haji iaitu *Muqaddimah fi Intizam Waza'if al-Malik* dan *Thamarat al-Muhimmah*. Sesuai dengan tajuk yang diberi, Gurindam Dua Belas mempunyai dua belas fasal yang mencakupi tiga komponen asas Islam iaitu akidah, syariat dan akhlak. Ia turut

mengandung ajaran-ajaran berkaitan ilmu tasawwuf seperti syariat, tarikat, hakikat dan makrifat.

Perkataan gurindam berasal daripada perkataan Sanskrit yang didefinisikan oleh Za'ba (1965) sebagai "suatu jenis sha'er melarat yang tiada tetap sukat-nya atau rangkapnya, isinya mengandungi fikiran<sup>2</sup> yang bernas dengan bahasa yang riang dan suka sebagai nyanyian". Beliau turut mengaitkan gurindam dengan "rangkap yang menjadi bidalan", yang "banyak menggambarkan keindahan 'alam dan mengambil perbandingan daripada keindahan itu sa-olah<sup>2</sup> untok melukiskan isi-nya dengan warna yang chantek." Beliau membahagikan gurindam kepada beberapa kategori iaitu gurindam yang mempunyai persamaan bunyi hujung, gurindam yang tiada persamaan bunyi hujung, gurindam yang tidak bersukat, gurindam yang berbentuk prosa (tidak berangkap) tetapi isinya adalah isi gurindam yang menggambarkan kias ibarat (Za'ba 1965). Sulaiman, et al. (2006) pula mendefinisikan gurindam sebagai puisi Melayu tradisional berbentuk bukan naratif. Ia adalah puisi terikat dalam bentuk dua baris serangkap. Rima hujung sama a/a. Baris pertama dikenali sebagai syarat manakala baris kedua sebagai jawab. Gurindam adalah pemerian tentang perkara yang serius seperti falsafah dan keagamaan, yang bertujuan untuk dibaca dan dihayati serta berfungsi untuk menyampaikan pendidikan seperti iman dan moral yang baik. Raja Ali Haji sendiri telah memberikan definisi gurindam sebagai 'perkataan yang bersajak juga pada akhir pasangannya tetapi sempurna perkataannya dengan satu pasangannya sahaja jadilah seperti sajak yang pertama itu syarat dan sajak yang kedua itu seperti jawab' (Abu Hasan, 1993). Kratz (2001) melihat gurindam Raja Ali Haji berbeza dengan gurindam yang termuat dalam teks-teks sastra Melayu tradisional malah turut berlainan dengan definisi yang diberikan oleh Za'ba. Namun beliau beranggapan Raja Ali Haji telah berjaya mencipta genre gurindam sebagai suatu bentuk puisi yang tersendiri setanding dengan pencapaian Hamzah al-Fansuri dalam memperkenalkan genre syair dalam tradisi puisi Melayu.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan analisis konten bagi membincangkan adab ketatanegaraan yang disentuh oleh Raja Ali Haji melalui Gurindam Dua Belas. Analisis hanya difokuskan pada fasal kedua belas yang menyentuh secara langsung tentang kepimpinan seperti yang berikut:

*Raja muafakat dengan menteri  
Seperti kebun berpagarkan duri*

*Betul hati kepada raja  
Tanda jadi sebarang kerja*

*Hukum adil atas raja  
Tanda raja beroleh inayat*

*Kasihkan orang yang berilmu  
Tanda rahmat atas dirimu*

*Hormat akan orang yang pandai  
Tanda mengenal kasa dan cindai*

*Ingatkan dirinya mati  
Itulah asal berbuat bakti*

*Akhirat itu terlalu nyata  
Kepada hati yang tidak buta*

Berdasarkan kepada bait-bait gurindam dalam fasal kedua belas ini, sejumlah kata kunci iaitu muafakat, betul hati, adil, ilmu, mati dan akhirat telah dikenal pasti, dikaji dan dianalisis. Ia bertujuan untuk memperlihatkan konsep-konsep utama dalam pandangan semesta Melayu Islam yang menjadi tunjang kepada adab ketatanegaraan yang ditujukan kepada raja yang memerintah.

### **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Dalam fasal kedua belas, Raja Ali Haji memfokuskan secara khusus kepada pemikiran dan adab ketatanegaraan yang menyentuh tentang nasihat dan pedoman kepada raja selaku pemerintah sesebuah kerajaan. Selaku penulis dari keluarga istana yang turut menjadi penasihat kepada raja, penulisan seumpama ini dilakukan adakalanya atas permintaan raja sendiri seperti penghasilan *Muqaddimah fi Intizam Waaza'if al-Malik* yang ditulis bagi memenuhi permintaan Yang Dipertuan Muda VIII, Raja Ali bin Raja Ja'far iaitu saudara sepupu kepada Raja Ali Haji (Raja Ali Haji, 1887; Hasan, 2002; Khalif, 2017). Menurut Jelani (2003), karya-karya *Mirrors for Rulers* biasanya dihasilkan oleh pengarang yang mempunyai kedudukan di istana sama ada sebagai menteri, penasihat sultan, setiausaha atau penulis rasmi istana. Kewujudan karya seumpama ini berkait rapat dengan ajaran Islam yang menentukan raja sebagai pemimpin yang wajib dipatuhi oleh rakyat (Jelani, 2003).

Dalam kitab *Thamarat al-Muhimmah*, Raja Ali Haji (1999) menjelaskan tiga makna perkataan raja iaitu:

- 1) khalifah atau khalifah Rasulillah S.A.W. yang bertanggungjawab mendirikan Islam dan menghukumkan hamba Allah (rakyat) dengan hukum al-Quran, hadis dan ijma'
- 2) sultan iaitu mengeraskan hukuman atas segala rakyatnya dengan hukuman yang adil yang datang daripada Allah dan rasulNya
- 3) imam iaitu ikutan segala rakyatnya pada segala hukuman dan perintahnya yang tiada membawa kufur dan maksiat

Melalui fasal kedua belas gurindam, pembahagian dibuat berdasarkan kepada kandungan bait-bait yang secara dasarnya dapat dirumuskan kepada empat bentuk hubungan iaitu hubungan antara raja dan menteri, hubungan raja dan rakyat, hubungan raja dan ilmuwan, dan hubungan antara raja dan diri peribadi baginda sendiri. Melalui hubungan-hubungan ini, beberapa kata kunci penting berkaitan adab ketatanegaraan dibincangkan.

### **Hubungan Raja dan Menteri**

Hubungan antara raja dan menteri diperihalkan secara ringkas tetapi padat dengan makna yang mendalam menerusi bait berikut,

*Raja muafakat dengan menteri  
Seperti kebun berpagarkan duri*

Dalam aspek politik dan pentadbiran Melayu, peranan serta fungsi raja dilihat memenuhi huraian al-Mawardi (2006) berkenaan dengan dwi peranan pemimpin Islam iaitu menjaga agama dan mentadbir dunia (*hirasah al-din wa siyasah al-dunya*). Hal ini dapat dilihat dalam struktur sistem pemerintahan Kerajaan Melayu Riau Lingga yang secara umumnya terbahagi kepada dua badan utama iaitu, badan yang bertanggungjawab untuk pentadbiran negara dan badan yang bertanggungjawab dalam hal ehwal agama serta perundangan. Menteri atau kepala negeri dipilih dalam kalangan mereka yang memenuhi kriteria seperti beragama Islam, mukallaf, lelaki, merdeka, mempunyai ijtihad dan tadbir yang baik, amanah dan benar lidahnya, mempunyai maruah, beradab sopan, berilmu serta beramal baik dan tidak melakukan amal keji (Raja Ali Haji, 1999). Peranan menteri dijelaskan oleh Raja Ali Haji (1999). Raja atau Yang Dipertuan Muda merupakan ketua tertinggi dan dibantu oleh kedua-dua badan tersebut. Urusan pentadbiran negara diketuai oleh *Wazir al-A'zam* (Perdana Menteri) dan dibantu oleh kepala negeri/*Amir/Wazir*, Hakim dan *Katib*

(pendaftar/jurutulis). Manakala urusan agama dan perundangan pula diketuai oleh *Mufti/Shaykh al-Islam* dan dibantu oleh *Qadi al-Qudat*, *Qadi Khas/Naib Qadi* dan *Katib* (pendaftar/juru tulis). Dalam hierarki pentadbiran, pangkat *Mufti al-Islam* setara dengan *Wazir al-A'zam*; *Amir* dengan *Qadi al-Qudat*; manakala jawatan Hakim setara dengan *Qadi Khas/Naib Qadi* (Raja Ali Haji, 1999; Azman, 2012; Khalif, 2016; 2015).

Menerusi bait gurindam yang dirujuk, satu kata kunci penting dalam hubungan antara raja dan menteri iaitu 'muafakat' telah dikenal pasti. Muafakat adalah kata serapan Bahasa Arab iaitu *muwāfaqah* yang bermaksud persetujuan bersama, atau saling bersetuju. Pusat Rujukan Persuratan Melayu mendefinisikan muafakat sebagai seia sekata, setuju, sesuatu yang disetujui, persetujuan, perbincangan dan perundingan. (<http://prpmv1.dbp.gov.my>). Justeru, kosa kata 'muafakat' dapat difahami sebagai suatu bentuk perundingan bagi mencapai kata sepakat dan persetujuan secara bersama. Dalam konteks pemerintahan Islam, perundingan dan muafakat ini dijalankan berasaskan kepada konsep syura iaitu; meminta pendapat mereka yang berpengalaman pada suatu perkara untuk mencapai pendapat yang lebih mendekati kebenaran (Junaid, 2017). Hal ini jelas disebut oleh Raja Ali Haji (1999) berkaitan perlantikan raja, "...bermula perdirian raja itu iaitu dengan tiga sebab pertama dengan sebab *bai'ah ahl al-hall wa al-'aqd* daripada ulama' yakni dengan sebab dilantik kemudian daripada selesai daripada muafakat dengan *mushawarah* beberapa laki-laki yang adil..."

Syura atau *mushawarah* sangat mementingkan autoriti ilmu bagi memastikan pandangan dan pendapat diputuskan secara benar, adil dan hikmah berasaskan kepada syariah dan kanun. *Ittifaq ahl al-mahkamah* (persetujuan ahli badan kehakiman), contohnya dicapai melalui mesyuarat dengan Qadi yang memulakan pertanyaan dan meminta jawapan kepada ahli mesyuarat. Ia bermula dengan ahli mesyuarat yang kurang pangkat dan sedikit pengetahuannya dan sekiranya ia bertepatan dengan syariah dan kanun maka ia terus diterima. Sekiranya tidak diperolehi keputusan barulah diajukan pula kepada orang yang lebih tinggi hierarkinya dari segi pangkat dan ilmu. Namun, sekiranya perselisihan pendapat berlaku tanpa mencapai kata putus, maka Qadi perlu merujuk kepada siyaset 'ulama' yang lebih mahir dalam persoalan ijtihad (Raja Ali Haji, 1999). Muafakat berasaskan syura ini dilihat sebagai suatu praktis atau amalan pentadbiran yang teliti dan rapi bagi menjamin kesejahteraan rakyat yang diperintah dan keutuhan kerajaan yang memerintah sehingga membolehkan kehidupan yang makmur, harmoni dan bahagia dapat dicapai.

### Hubungan Raja dan Rakyat

Raja Ali Haji menggambarkan hubungan antara raja dan rakyat menerusi bait berikut,

*Betul hati kepada raja*

*Tanda jadi sebarang kerja*

*Hukum adil atas rakyat*

*Tanda raja beroleh inayat*

Kata kunci 'betul hati' atau dalam karya Raja Ali Haji (1887) yang lain disebut sebagai 'benar hati' dan 'cuci hati' boleh dikaitkan dengan konsep keikhlasan, kepercayaan dan ketaatan kepada raja sebagai penaung tertinggi dalam kerajaan yang sentiasa menjaga kebajikan rakyat. Ketaatan dan komitmen rakyat yang tinggi dalam menjalankan pekerjaan menjadi penanda aras kepada keamanan, kemakmuran dan kestabilan sesebuah kerajaan, tanpa ada sebarang pemberontakan, rampasan kuasa mahupun pertumpahan darah. Hal yang demikian itu membolehkan dasar-dasar pemerintahan dilaksanakan dengan lancar dan berkesan. Hukum mentaati atau menjunjung titah perintah raja adalah fardu ke atas semua rakyat jelata dan haram untuk mereka mengingkarinya. Namun konsep ketaatan ini tidak bersifat mutlak. Ketaatan hanyalah selagimana perintah dan titah raja tidak

bertentangan dengan syariat agama atau sebagaimana yang disebut oleh Raja Ali Haji (1999). 'yang tiada membawa kepada kufur dan maksiat'.

Konsep ketaatan rakyat kepada raja mempunyai hubungkait pula dengan kata kunci 'adil' yang merupakan satu konsep fundamental dalam Islam bahkan menjadi satu prinsip dan keutamaan dalam konteks sistem pemerintahan beraja dalam masyarakat Melayu sehinggakan wujud ungkapan 'raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah'. Raja Ali Haji (1999) mendefinisikan adil sebagai "menghukumkan atau melakukan suatu atas seorang dengan patutnya dengan *muwafaqat* [bertepatan] dengan al-Quran dan hadis serta ijma' atau melakukan suatu yang dibilangkan indah dan patut serta manfaat kepada orang yang benar dan kepada orang yang mempunyai mata hati." Adil berlawanan dengan zalim atau aniaya yang didefinisikan oleh Raja Ali Haji (1999) sebagai kelam daripada membezakan antara yang benar dan yang salah. Zalim itu bermaksud "melakukan atas seseorang bukan dengan sebenarnya, sama ada daripada hukuman atau kelakuan, yang menyalahi dengan hukuman al-Quran dan hadis dan ijma', sama ada pada nyawa atau badan orang, atau pada harta benda orang atau pada kemaluan [maruah] orang."

Ini bertepatan dengan Syair Nasihat kepada Anak yang ditulis oleh Raja Ali Haji (1999; Abu Hasan, 1995),

*Ayuhai anakanda muda remaja  
Jika anakanda menjadi [mengerjakan]<sup>1</sup> raja  
Hati yang betul hendaklah disahaja  
Serta rajin pada bekerja*

Sifat adil raja juga berhubung kait dengan akal seperti mana yang dipetik oleh Jelani (2004) dalam *Bayan al-Asma'* karangan Sheikh Abdullah al-Mesiri yang mengutamakan akal kepada raja-raja kerana sifat adil hanya ada pada raja-raja yang memiliki akal. Raja yang berakal akan dapat menjalankan tanggungjawab dan amanah pemerintahan dengan baik, berlaku adil dalam menjatuhkan hukuman dan bijaksana dalam memilih serta melantik pembesar. Hal ini bertepatan dengan pemikiran Raja Ali Haji (1996) yang menyatakan seseorang itu perlu kenal makna akal kerana dengan fakulti akal, manusia mendapat kemuliaan melebihi makhluk Allah yang lain. Melalui akal, manusia boleh membezakan antara yang baik dan buruk, mulia dan hina sesuai dengan daya ikhtiar yang diberikan kepada manusia untuk memilih di antara keduanya dan kemudiannya bertanggungjawab terhadap pilihan yang dibuat. Akal adalah fakulti ruh yang fitrahnya cenderung kepada kebaikan (Akmaliza, et al., 2013). Malah Raja Ali Haji (1996) di dalam menghuraikan makna adab budi bahasa turut mengaitkan dengan kelebihan akal,

"...di dalam kitab *Ghurar al-Mabani wa Durr al-Ma'ani* "*husn al-adab yasturu umniyyatu qubuh al-nasab*", yakni elok *adab budi bahasa* seseorang itu menutup angan-angan orang akan keji bangsanya bukannya orang itu tidak berbangsa dan lagi katanya pula "*al-fadl bi'l-'aql wa'l-adab la bi'l-asal wa'l-nasab*" yakni kelebihan manusia itu dengan akalnya dan baik *adab budi bahasanya* bukannya dengan asalnya dan bangsanya yakni jikalau anak raja sekalipun jika tiada beradab dan bermalu bersopan dan tiada berbahasa seperti bongkak pongah tutur katanya bangsat sombongnya takbur membesar diri tingkah kelakuannya jika raja besar sekalipun tiada kelebihannya kehinaan jua."

Keadilan seseorang raja akan menjamin kewujudan suasana aman, tenteram dan harmoni sepertimana yang digambarkan secara perlambangan oleh Raja Ali Haji

<sup>1</sup> Perkataan 'menjadi' digunakan dalam teks Thamarat al-Muhimmah terbitan Khazanah al-Fataniyyah, 1999 manakala 'mengerjakan' digunakan dalam Syair-syair Melayu Riau terbitan Perpustakaan Negara Malaysia, 1995 yang ditulis oleh Abu Hasan Sham.

(1887), "Kerana alamat raja yang adil itu harimau dengan kambing boleh sepermainan apalagi isi negerinya. Adapun alamat raja yang zalim itu anak dengan bapanya berbunuh-bunuhan."

### **Hubungan Raja dengan Golongan Ilmuwan**

Tradisi membina hubungan akrab antara raja dan ilmuwan dipaparkan oleh Raja Ali Haji menerusi bait berikut,

*Kasihkan orang yang berilmu  
Tanda rahmat atas dirimu*

*Hormat akan orang yang pandai  
Tanda mengenal kasa dan cindai*

Ilmu merupakan kata kunci yang sangat penting dalam pandangan semesta Islam. Melalui rujukan silang yang dibuat kepada karya khusus Raja Ali Haji dalam bidang ketatanegaraan iaitu Kitab *Thamrat al-Muhimmah* didapati bahawa beliau memulai perbahasannya dengan kelebihan ilmu iaitu; kriteria yang membezakan manusia dengan binatang. Beliau menyatakan,

"Terkadang lebih lagi ia daripada manusia seperti kuat gagah perkasa seperti gajah dan harimau dan yang lainnya daripada binatang yang gagah-gagah. Hanya yang tiada kepadanya ilmu dan akal yang seperti manusia. Maka jadilah kemudian atas manusia menangkapnya dan memerintahnya. lalah yang zahir kelebihan ilmu dengan tiada berfikir amat pada mendapat dia." (Raja Ali Haji, 1999).

Malah Raja Ali (1999) menegaskan bahawa faktor ilmu memberi kelebihan dan keistimewaan kepada para nabi dan wali berbanding manusia lain termasuklah golongan raja yang memiliki kemuliaan lantaran susur galur keturunan mahupun kekuasaan, kekayaan serta kedudukan. Kesedaran tentang hierarki ini menyebabkan raja-raja sanggup merendahkan diri memohon khidmat nasihat serta ajaran daripada alim ulama dalam banyak perkara termasuk dalam soal menyelesaikan masalah yang timbul dalam pemerintahan walaupun dari segi hierarki sistem pemerintahan kedudukan mufti atau *shaykh Islam* berada di kedudukan selepas raja, setara dengan *wazir al-a'zam*. Dalam kerajaan Melayu Riau Lingga yang berpusat di Pulau Penyengat juga, ramai ulama dibawa masuk dan raja turut berguru. Penasihat raja juga dilantik dalam kalangan golongan bijak pandai dan berilmu seperti yang dinyatakan oleh Jelani (2004), tentang syarat untuk menjadi raja yang adil seperti mana yang tercatat dalam Kitab Undang-undang Raja Nati: "Tiada bagi seorang mendapat adil itu melainkan dengan akal, dan tiada diperolehi akal itu melainkan dengan dua perkara. Pertama, berhimpun dengan ulama dan orang tuha-tuha, dan kedua mengambil pengajar dan nasihat daripada mereka itu".

Menurut Wan Mohd. Nor (2007), antara ciri budaya ilmu dalam sesebuah masyarakat ialah kepimpinan yang memutuskan segala sesuatu berdasarkan kepada ilmu pengetahuan dan meletakkan ilmu sebagai nilai yang sentiasa diberikan keutamaan. Hal ini selaras dengan tradisi pemerintahan Islam yang berasaskan kepada ilmu yang kemudiannya menyuburkan budaya ilmu dalam setiap hierarki masyarakat dalam Kerajaan Riau-Lingga seperti yang digambarkan oleh Raja Ali Haji (1998) dalam *Tuhfat al-Nafis*. Beliau menjelaskan,

"Dan pada masa Yang Dipertuan Muda Raja Ali inilah banyak ulama yang datang dengan kemuafakaan saudaranya Raja Ali Haji maka dikurniakan masarif disuruhnya segala pegawai negeri menuntut perkara ugama dan mengaji kitab-kitab dan belajar membaiki bacaan *Qur'an al-'azim*. Dan ia sendiri pun suka/jua/talan al-ilm. Maka diikhtiarkan oleh saudaranya Raja Ali Haji beberapa orang alim-alim seperti Sayid Abdullah Bahrain dan lainnya duduk mengajar di dalam Pulau Penyengat setahun, apabila ia balik diberinya

empat lima ratus ringgit. Dan diberinya pula membuang daripada memakai emas dan sutera...”

Ilmu dijadikan syarat bagi perlantikan seseorang raja sepertimana yang dinyatakan oleh Bukhari al-Jauhari (1966) yang meletakkan syarat berilmu sebagai syarat kedua selepas syarat akil baligh. Keutamaan ini boleh dilihat sehinggakan sekiranya pemimpin tersebut tidak berilmu, dia hendaklah mendampingi sahabat dalam kalangan orang berilmu dan sekiranya dia tidak mempunyai sahabat yang berilmu dia hendaklah membaca karya-karya ilmuwan. Hatta sekiranya dia tidak memiliki kebolehan membaca, karya-karya ilmuwan tersebut hendaklah dibacakan kepadanya. Hal ini menunjukkan betapa pentingnya ilmu kepada seseorang pemimpin sehingga tidak memungkinkan seorang yang jahil dilantik sebagai pemerintah kerana seperti mana yang dinyatakan oleh Wan Mohd Nor (2012), “Pemimpin yang tidak berbudaya ilmu yang sihat, tidak akan berupaya melantik para penasihat, mendapat nasihat dan membuat keputusan yang sebaik-baiknya sama ada untuk kesejahteraan diri dan keluarganya, apatah lagi untuk kesejahteraan rakyatnya.”

### Hubungan Raja dengan Diri Sendiri

Raja Ali Haji turut menekankan mengenai hubungan raja dengan diri sendiri, sebagai suatu bentuk pembangunan sendiri pemimpin (*leader self development*) sebagaimana tertera menerusi bait berikut,

*Ingatkan dirinya mati  
Itulah asal berbuat bakti*

*Akhirat itu terlalu nyata  
Kepada hati yang tidak buta*

Raja Ali Haji turut memperingatkan seseorang raja terhadap dua istilah kunci penting berkaitan akidah iaitu ‘mati’ dan ‘akhirat’. Kedua-duanya saling berkait antara satu sama lain. *Dhikr al-mawt* atau ingat mati adalah suatu nasihat yang diberikan oleh Raja Ali Haji kepada raja kerana kedudukan raja sebagai pemimpin tertinggi sesebuah kerajaan menjadikan baginda sebagai manusia yang paling mudah untuk menikmati kemewahan dunia sehingga boleh melalaikan dan lupa hakikat diri. Dunia seperti mana yang diperkatakan oleh Raja Ali Haji (2010) boleh melupakan seseorang terhadap kematian malah boleh menyebabkannya sukar untuk menerima nasihat atau peringatan. Justeru peringatan terhadap mati dijadikan sebagai asas untuk berbuat bakti, iaitu mencurahkan kebaikan dan membuat jasa kepada nusa dan bangsa. Kematian adalah suatu konsep yang menunjukkan bahawa manusia berada dalam kekuasaan Allah SWT, justeru menginsafkan seseorang raja bahawa kuasa yang ada pada diri baginda hanya bersifat sementara. ‘Adapun orang yang sukakan mati itu, iaitu orang yang damping kepada Allah Ta’ala dengan sebab ma’rifatnya yang putus.’ (Raja Ali Haji, 2010).

Dalam soal kebaktian Raja Ali Haji (2010), menyenaraikan beberapa contoh yang boleh dilakukan oleh seseorang raja, antaranya:

- 1) Berlaku adil dalam menghukum, dan berbuat adil untuk kesejahteraan rakyat.
- 2) Menyumbang untuk prasarana dan masalah umum seperti rumah wakaf, masjid, jambatan, titian dan jalan.
- 3) Membina kota parit atau kubu pertahanan daripada serangan musuh.
- 4) Membina rumah-rumah pada segenap simpang dan sirukan untuk menghindari penjahat, penyamun dan pencuri.
- 5) Menyediakan rumah pasung dan penjara untuk orang jahat.
- 6) Membina madrasah sebagai tempat menuntut ilmu.

Kebaktian ini bukan sahaja memberi pahala kepada raja tetapi turut memberi manfaat kepada orang lain. Perbelanjaan membina prasarana seumpama ini

dinamakan perbelanjaan dunia namun ia juga memberi manfaat kepada akhirat dengan syarat disertai dengan keikhlasan. (Raja Ali Haji, 2010).

Kata kunci 'akhirat' adalah kata berlawanan daripada segi makna dengan kata kunci 'dunia', yang menurut Raja Ali Haji (2010) dunia ialah "yang tiada memberi faedah dan tiada berguna kepada akhirat". Menurut beliau, dunia adalah punca kepada sifat tamak sehingga boleh menghilangkan sifat malu dan melakukan perkara yang dimurkai Allah. Sifat tamak kepada duniawi menyebabkan seorang raja menyakiti dan menzalimi rakyat. Dalam konteks medan makna semantik, kata kunci akhirat turut berkait rapat dengan bahagia (*sa'adah*) dan celaka (*shaqawah*). Akhirat adalah "kesudah-sudahan perkerjaan manusia dan perjalanan anak Adam" yang bermula dengan alam barzakh, kemudian diikuti dengan kebangkitan di Padang Mahsyar, melalui titian *al-sirat* dan seterusnya kehidupan di syurga bagi *ahl al-sa'adah* dan di neraka bagi *ahl al-shaqawah*. Raja Ali Haji (2010) menegaskan tentang suasana di hari akhirat yang tiada lagi perbezaan antara raja dan rakyat, bangsawan mahupun hamba:

"...Pada masa itu tiada raja dan tiada menteri dan tiada mulia dan tiada hina dan tiada tuan dan hamba, melainkan bersamaan semuanya darjatnya, melainkan segala mereka yang *ahlus-sa'adah* juga. Maka pada ketika itu tampaklah kebesarannya dan kemuliaannya pada hari itu, dan terbukalah segala rahsia segala orang pada hari itu, dan tiadalah boleh bersangkal lagi, apa-apa yang diperbuatnya di dalam dunia yang telah lalu itu. Dan naik saksilah kaki tangannya, ikrarkan perbuatannya dan terdirilah *mīzān* timbangan yang adil menimbang segala amal manusia yang baik dan yang jahat."

Kedua-dua kata kunci 'mati' dan 'akhirat' berkait rapat dengan konsep hukum pembalasan (Desinova, 2007) yang menjadi peringatan sendiri (*self-reminder*) dan kawalan sendiri (*self-control*) yang mendorong raja ke arah berbuat kebaktian dan menghindari kezaliman.

## **PENUTUP**

Gurindam Dua Belas merupakan suatu karya yang ringkas namun padat, karya malar segar yang menjadi sebahagian khazanah tamadun bangsa sebagai bukti usaha gigih Raja Ali Haji, seorang tokoh intelektual Melayu yang berusaha memartabat dan memperadabkan bangsa melalui tulisan. Fasal kedua gurindam memperlihatkan usaha menasihati raja yang berilmu dan berakhlak yang boleh menjalankan amanah kepimpinan secara adil, cekap dan baik.

Adab ketatanegaraan yang bertunjangan kepada pandangan hidup Islam dapat dirungkai melalui beberapa kata kunci utama iaitu muafakat yang berasaskan kepada konsep syura atau musyawarah; benar hati yang mendorong kepada rasa ikhlas, percaya dan taat; serta adil yang berteraskan kepada panduan agama sebagai kata lawan kepada sifat zalim iaitu ketidakupayaan membezakan antara yang benar dan yang batil. Kata kunci adil berkait pula dengan kata kunci ilmu yang sangat dipentingkan oleh Raja Ali Haji kerana ilmulah yang menjadikan seseorang manusia tinggi darjatnya berbanding yang lain.

Hubungan akrab antara umara' dan ulama merealisasikan corak pemerintahan yang adil dan cekap. Dalam konteks hubungan raja dengan diri peribadi, kata kunci 'mati' dan 'akhirat' menjadi peringatan sendiri (*self reminder*) dan kawalan sendiri (*self control*) yang dapat mendorong seseorang raja untuk banyak berbakti dan tidak berlaku zalim dalam pemerintahan.

## **RUJUKAN**

Abu Hasan Sham.1994. Raja Ali Haji dan Bakat Kepengarangannya Terutama dalam Bidang Syair. Dalam *Pengarang dan Kepengarangan Melayu*. Diselenggara oleh Sahlan Mohd.Saman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Abu Hasan Sham. 1995. *Syair-syair Melayu Riau*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Akmaliza Abdullah, Abdul Latif Hj. Samian, Maznah Ali, Adibah Muhtar. 2013. Hubungan antara Akhlak dan Bahasa: Analisis Berdasarkan Beberapa Karya Raja Ali Haji. *Synergy TESHJ*. Merbok: UiTM Kedah.
- Akmaliza Abdullah, Abdul Latif Hj. Samian, Maznah Ali, Adibah Muhtar. 2015. Manifestasi Akhlak menerusi Unsur-unsur Alam dalam Beberapa Karya Raja Ali Haji. Prosiding Joint International Seminar Islam, Science, And Civilization: Prospect And Challenge For Humanity, UIN Wali Songo pada Oktober 2015: 210-220.
- Azman Yusof. 2012. *Pemikiran Ketatanegaraan Raja Ali Haji dalam Thamarat al-Muhimmah*. Tesis PhD Universiti Putra Malaysia.
- Denisova, Tiantiana. 2007. Konsep Keadilan dalam Historiografi Melayu Islam Kurun ke-13 sehingga ke-19. *Al-Afkar*. 8: 141-206.
- al-Faruqi, Isma'il. 1990. Tauhid dan Seni Persuratan. Dalam *Kesenian Islam*. Diselenggarakan oleh Ahmad Kamal Abdullah. Terj. Akibah Abu Hassan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka: 1-30.
- Hasan Junus. 2002. Raja Ali Haji Budayawan Gerbang Abad XX. Cetakan 2 dengan revisi. Pekan Baru: UNRI Press.
- Hashim Hj. Musa. 2006. *Pengantar Falsafah Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hamid. 1989. *Kesusasteraan Indonesia Lama Bercorak Islam*. Jakarta: Pustaka al-Husna.
- Ismail Hamid. 1994. Kepengarangan Karya-karya Bercorak Keislaman dalam Kesusasteraan Melayu Lama. Dalam *Pengarang dan Kepengarangan Melayu*. Diselenggara oleh Sahlan Mohd.Saman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hussein. 1974. *The Study of Traditional Malay Literature with A Selected Bibliography*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Jauhari, Bukhari. 1966. *Taj us-Salatin*. Diusahakan oleh Khalid Hussain. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jelani Harun. 2003. *Pemikiran Adab Ketatanegaraan Kesultanan Melayu*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jelani Harun. 2004. Pemikiran Melayu tentang Keadilan Raja: Satu Analisis berdasarkan Karya Adab Ketatanegaraan. Dalam *Pemikiran Melayu: Tradisi dan Kesinambungan*. Penyelenggara Worawit Baru @ Haji Ahmad Idris. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 104-137.
- Kamus Dewan*. 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khalif Muammar A. Harris. 2016. *Ilmu Ketatanegaraan Melayu Raja Ali Haji: Huraian terhadap Thamarat al-Muhimmah & Muqaddimah fi Intizam Waza'if al-Malik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khalif Muammar A. Harris. 2015. Ketatanegaraan Islam di Alam Melayu Abad ke-19. Dalam Muhammad Zainiy Uthman (penyunting) *Bunga Rampai Bangsa Kebangsaan & Patriotisme*. Kuala Lumpur: CASIS UTM-KL dan Akademi Kenegaraan BTN: 93-156.
- Kratz, E. Ulrich. 2001. Raja Ali Haji dan Kedudukan Karyanya dalam Korpus Teks Sastra Melayu Tradisional. Dalam Al azhar dan Elmustian Rahman (penyelenggara) *Kandil Alam di Pelantar Budi: Esei dan Renungan Budaya Persembahan kepada Alm. Raja Hamzah Yunus*. Pekan Baru: Yayasan Kata: 73-109.
- M. Junaid. 2017. Gambaran Umum tentang Syura dan Demokrasi. <http://eprints.stainkudus.ac.id/562/5/FILE%205%20BAB%20II.pdf>. Dimuat turun pada 7 Jun 2017.
- Al-Mawardi, Abu Hasan 'Ali. 2006. *Al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayah al-Diniyyah*. Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- Puisi-puisi Raja Ali Haji*. 1993. Diselenggara oleh Abu Hassan Sham. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- | Pusat | Rujukan                                                                                                         | Persuratan                    | Melayu. |
|-------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------|---------|
|       | <a href="http://prpmv1.dbp.gov.my/Search.aspx?k=muafakat">http://prpmv1.dbp.gov.my/Search.aspx?k=muafakat</a> . | Dimuat turun pada 7 Jun 2017. |         |
- Raja Ali Haji. 2005. *Bustan al-Katibin*. Dikaji dan diperkenalkan oleh Hashim Bin Musa. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Raja Ali Haji. 2010. *Kitab Pengetahuan Bahasa*. Dikaji dan diperkenalkan oleh Hashim Musa. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Raja Ali Haji. 1999. *Thamrat al-Muhimmah*. Kuala Lumpur: Khazanah al-Fataniyyah.
- Raja Ali Haji. 1998. *Tuhfat al-Nafis*. Dikaji dan diperkenalkan oleh Virginia Matheson Hooker. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raja Ali Haji. 1887. *Muqaddimah fi Intizam Waza'if al-Malik Khususan ila Mawlana wa Sahibuna wa Akhina Yang Diperuan Muda Raja Ali al-Mudabbir al-Bilad al-Riyawwiyah wa Sa'ir Da'iratihi*. T.t, t.c.
- Sejarah Kesusasteraan Melayu*. 1981. Jil. 1. Diselenggarakan oleh Safian Hussain, Mohd. Thani Ahmad, Johan Jaafar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hawa Haji Salleh. 2002. *Kesusasteraan Melayu Abad Kesembilan Belas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hawa Haji Salleh. 1994. *Unsur-unsur Kepercayaan Manusia Melayu dalam Karya-karya Historiografi Tradisional Melayu. Dalam Kesusasteraan Klasik: Manusia dan kepercayaan*. Diselenggarakan oleh Haron Daud. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Sulaiman Masri, Abdullah Yusof dan Mohd Ra'in Shaari. 2006. *Bahasa Melayu: Dimensi Pengajaran dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 2007. *Budaya Ilmu: Satu Penjelasan*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 2012. *Budaya Ilmu dan Gagasan 1 Malaysia: Membina Negara Maju dan Bahagia*. Kuala Lumpur: Akademi Kenegaraan BTN & CASIS, UTM.
- Za'aba 1965. *Ilmu Mengarang Melayu: Bagi Penggunaan Guru2 dan Murid2 Darjah Tinggi di Sekolah Menengah dan Penuntut-penuntut di Maktab Latehan Guru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

#### Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.